

Seni Anyaman: Perspektif Wanita Asli

Jafalizan Md. Jali
Aizu Hakimi Mohd Adnan
Ameerul Ashraf Saharuddin
Roshusna Wahidah Abu Bakar
Ezza Rafedziawati Kamal Rafedzi

**Fakulti Pengurusan Maklumat,
UiTM Kampus Puncak Perdana**

Jalan Pulau Indah AU10/A, PuncakPerdana, 40150 Shah Alam, Selangor

Abstrak

Penyelidikan ini merungkai seni anyaman di kalangan Orang Asli di Malaysia. Penyelidikan ini melibatkan masyarakat Orang Asli dari suku kaum Mah Meri dengan menemubual tokoh wanita dan usahawan iaitu Puan Maznah Anak Unyan. Beliau yang mahir dalam bidang seni kraftangan anyaman telah terpilih untuk menerima anugerah “Warisan Kebangsaan Orang Hidup 2015”. Beliau turut berkongsi tentang cabaran yang dilalui dan pantang larang dalam bidang seni anyaman.

Kata Kunci : Mah Meri, Orang Asli, Anyaman, Warisan

Pengenalan

Seni kreatif anyaman telah lama bertapak dalam budaya masyarakat Malaysia. Ianya telah diwarisi sejak turun-temurun dalam pelbagai etnik tanahair dengan mencakupi kaum Melayu dan Orang Asli di Semenanjung serta pelbagai etnik di Sabah dan Sarawak. Bahan-bahan anyaman yang terdiri daripada sumber semulajadi adalah salah satu keunikan dan tarikan buat pelancong terhadap seni kraftangan ini. Menganyam boleh didefinisikan sebagai satu proses menyilangkan bahan-bahan daripada tumbuh-tumbuhan untuk dijadikan satu rumpun yang kuat dan boleh digunakan. Pada zaman dahulu, seni anyaman amat sinonim kepada masyarakat tradisional dalam urusan seharian mereka. Ini dapat dibuktikan dengan kewujudan rumah serta perhiasan yang diperbuat daripada bahan anyaman seperti tikar mengkuang dan bakul rotan. Selain itu,

terdapat juga sesetengah masyarakat yang menganggap bahawa seni anyaman adalah simbolik kepada status sosial seseorang.

Antara masyarakat yang masih giat denganseni anyaman adalah suku kaum Orang Asli yang merupakan antara penduduk terawal di Malaysia. Ketelitian dan kehalusan seni anyaman yang dihasilkan oleh mereka mempamerkan keunikan dan keperibadian yang tersendiri. Walaubagaimanapun, kesenian anyaman daripada suku kaum Orang Asli Mah Meri daripada kumpulan Senoi adalah yang paling menyerlah berbanding anyaman dari suku lain kerana ia mempunyai identitinya yang tersendiri serta mula dikenali oleh masyarakat di dalam mahupun di luar negara.

Bagi menerokai keunikan seni anyaman suku kaum Orang Asli Mah Meri, kami telah mengambil peluang ini untuk menemubual seorang tokoh anyaman mereka iaitu Puan Maznah Anak Unyan. Kehebatan serta kepakaran beliau telah berjaya mengangkat martabat wanita Orang Asli khususnya daripada suku kaum Mah Meri di mata dunia. Tambahan pula, penglibatan beliau dalam bidang anyaman turut memberi kesan positif kepada masyarakat Orang Asli dalam bidang ekonomi dan sosial.

Kesenian Anyaman

Seni anyaman adalah satu aktiviti yang menarik dan mudah untuk dipelajari. Ia boleh dilakukan pada bila-bila masa dan di mana sahaja bagi mengisi waktu lapang seseorang. Puan Maznah menyatakan bahawa beliau sering menganyam atau membuat kerja tangan yang lain bersama dengan teman-teman sambil berbual-bual. Menurut beliau lagi, kerja anyaman yang dilakukan sambil berborak akan menjadi lebih mudah dan tidak terasa lama untuk menyiapkan sesuatu produk.

Anyaman terbahagi kepada tiga kategori iaitu Anyaman Datar, Anyaman Tiga Demensi dan Anyaman Macrame. Anyaman Datar dibuat dalam keadaan datar pipih dan juga lebar. Kebiasaannya anyaman ini digunakan sebagai pemisah di antara sesuatu ruang dengan ruang yang lain seperti yang dapat kita lihat di dalam rumah tradisional. Tambahan pula, Anyaman Datar ini boleh dibentuk atau

direka dengan pelbagai jenis corak dan bentuk mengikut kreativiti individu itu sendiri. Kreativiti hasil kerja seni halus seseorang dapat dilihat melalui setiap produk anyaman seperti tikar, bakul, tudung saji dan pelbagai barangan lagi. Penilaian terhadap keindahan produk anyaman bukan sahaja dilihat melalui corak atau warnanya sahaja, malahan ianya turut dinilai melalui kehalusan yang dihasilkan terhadap seni itu sendiri.



Gambar 1: Antara hasil anyaman suku kaum Orang Asli Mah Meri (Unit Pembangunan Usahawan Kraf, 2011)

Kategori anyaman yang kedua pula ialah Anyaman Tiga Dimensi. Anyaman ini adalah gabungan anyaman tradisional dan moden. Anyaman ini memiliki rupa bentuk yang sederhana tetapi, pada masa yang sama ianya turut menerapkan elemen seni moden. Antara contoh hasil produk anyaman ini boleh dilihat pada beg dan dompet.

Kategori yang terakhir adalah Anyaman Macrame. Anyaman ini dihasilkan melalui seni simpulan bahan yang menggunakan tangan dan turut dibantu oleh alat lain seperti jarum. Teknik ini dapat menghasilkan pelbagai corak baharu yang lebih kreatif dan berkualiti. Antara produk yang menggunakan teknik Anyaman Macrame adalah alas meja, alas kaki dan cenderahati.

Puan Maznah menerangkan bahawa pada zaman dahulu, jika seseorang perempuan ataupun wanita itu tidak pandai menganyam, mereka tidak boleh berkahwin. Tambahnya lagi, menurut pandangan suku kaum Orang Asli Mah Meri, seni anyaman amat penting kerana ianya digunakan hampir di setiap majlis keraian. Sebagai contoh, hasil tersebut akan dijadikan sebagai hiasan rumah yang digunakan semasa perayaan, ketika ingin meminta atau berhajat sesuatu dan juga jika ketika sakit. Hal ini jelas menunjukkan betapa pentingnya seni anyaman dalam masyarakat Orang Asli Mah Meri.

Sebenarnya tiada kelas khusus yang diambil oleh suku kaum Orang Asli Mah Meri untuk mempelajari seni anyaman. Sebaliknya mereka mempelajarinya daripada ahli keluarganya sendiri yang lebih mahir. Ahli keluarga suku kaum Orang Asli Mah Meri yang sudah lama mengamalkan seni anyaman di rumah, secara tidak langsung telah mempengaruhi minat anak-anak mereka dalam menghasilkan seni anyaman itu sendiri.

Menurut Puan Maznah, perubahan dari segi kreativiti corak anyaman boleh menambahkan lagi minat seseorang. Terdapat perbezaan dari segi corak yang dihasilkan pada zaman dahulu dan juga pada masa sekarang. Pada zaman dahulu, corak yang dihasilkan adalah lebih mudah dan tidak terlalu rumit berbeza dengan corak anyaman pada masa kini yang lebih kreatif dan menarik. Walaubagaimanapun, beliau tetap meletakkan corak anyaman yang dihasilkan pada zaman dahulu sebagai yang paling utama dalam setiap penghasilan produk anyaman. Ini kerana, beliau tidak mahu corak tersebut dilupakan dan pupus dengan peredaran masa. Antara contoh corak anyaman dahulu yang popular ialah Bunga Gumba, Bunga Jiring, Burung, Dendan dan Subang.

Apa yang lebih menarik lagi, beliau memberitahu bahawa idea atau corak-corak anyaman yang baru kadang-kadang diperolehi beliau melalui mimpi. Selain itu, menurut beliau, apabila seseorang itu sedang kecewa mereka boleh menghasilkan sesuatu corak yang baru melalui ekspresi yang mereka hadapi. Sebagai contoh, beliau pernah menghasilkan corak Rama-Rama dan apabila hasil anyaman yang dihasilkan sudah siap, ia dapat menaikkan lagi semangat beliau untuk meneruskan kehidupan. Antara bahan utama yang sering

digunakan ialah mengkuang dan pandan mengkuang. Masa untuk menyiapkan sesuatu produk juga berbeza mengikut saiz dan corak produk yang dihasilkan. Menurut beliau, anyaman untuk menghasilkan produk bersaiz kecil seperti gelang tangan hanya mengambil masa antara 20 hingga 30 minit untuk disiapkan. Manakala proses anyaman untuk produk yang lebih besar akan mengambil masa lebih kurang empat hari. Keseluruhan masa yang diambil untuk menyiapkan sesuatu produk itu tidak termasuk dengan waktu untuk memproses bahan mentah dan mewarna yang mengambil masa selama satu minggu.

Proses menyiapkan anyaman juga terdapat peraturan atau petua dan pantang larangnya. Menurut Puan Maznah, salah satu peraturannya adalah dari segi waktu, iaitu proses menganyam hanya boleh dilakukan pada waktu pagi dan malam sahaja. Jika ingin menganyam pada waktu pagi, waktu yang sesuai ialah dari jam lapan sehingga sepuluh pagi. Waktu yang sesuai pada malam hari pula ialah pada jam lapan. Namun begitu, tikar yang ingin dianyam pada waktu malam perlu diembunkan terlebih dahuluselama satu jam. Setelah tikar tersebut lembut barulah proses menganyam boleh dimulakan. Proses mengembunkan tikar perlu dibuat sekitar jam tujuh malam dan keatas. Selain itu, beliau menjelaskan bahawa waktu yang tidak dibenarkan untuk menganyam pula ialah ketika waktu tengah hari. Hal ini demikian kerana, proses anyaman yang dilakukan pada waktu tengah hari akan memberikan hasil yang tidak begitu memuaskan seperti daun akan menjadi rapuh dan putus serta susunannya juga menjadi jarang. Pantang larang dalam anyaman pula ialah ketika mengambil bahan mentah itu sendiri. Kami difahamkan ketika mengambil bahan tersebut, kita tidak boleh mengambilnya semasa waktu bulan terang. Malahan, kita juga tidak boleh meludah, tidak boleh membuang air kecil dan besar serta tidak boleh melangkah ketika mengambil bahan mentah tersebut. Wanita yang sedang datang bulan juga dilarang untuk mengambilnya.

Keunikan Seni Anyaman Suku Kaum Orang Asli Mah Meri

Seni kerja tangan anyaman adalah sesuatu yang unik lagi rumit buatannya. Ini kerana seni anyaman bukan sahaja dilahirkan melalui kerja keras malahan, ia juga memerlukan penghayatan dan kesungguhan daripada pembuatnya. Budaya sesebuah negara tidak hanya dicerminkan melalui bahasa

pertuturan dan adat resam bangsanya sahaja tetapi, ianya juga dipamerkan melalui kehalusan kerja tangan yang bermutu tinggi. Begitu juga kaum Mah Meri sendiri, Puan Maznah menyatakan bahawa seni anyaman masyarakat Mah Meri adalah sangat halus, licin dan berkilat. Hal ini jelas menunjukkan nilai estetika yang tinggi pada hasil anyaman masyarakat Orang Asli Mah Meri. Hasil kraf yang halus pembuatannya mempunyai nilai hiasan yang sangat tinggi. Sebaliknya, hasil kraf yang dihasilkan secara kasar lebih menekankan ciri fungsional. Puan Maznah menegaskan lagi bahawa, hasil anyaman beliau sangat halus dan rapat penghasilannya. Menurutnya, hasil anyaman yang halus melambangkan identiti suku kaum Orang Asli Mah Meri.

Merungkai lebih dalam mengenai penghasilan anyaman yang baik, Puan Maznah berkongsi amalannya dalam seni anyaman. Beliau berkata, jika ingin menghasilkan anyaman yang baik, hati seseorang penganyam itu mestilah dalam keadaan tenang serta lapang. Ini kerana untuk menghasilkan anyaman yang berkualiti, penganyam perlu fokus dan tidak boleh terlalu memikirkan hal lain seperti memikirkan sama ada bahan anyaman mencukupi ataupun tidak. Kerja anyaman yang dihasilkan sambil memikirkan perkara-perkara yang merunsingkan fikiran bukan sahaja menyebabkan hati seseorang penganyam itu tidak tenang malahan, ianya turut memberi kesan kepada hasil anyaman itu sendiri. Sebagai contoh, hasil anyaman menjadi tidak elok seperti senget ataupun jarang. Oleh itu, ketenangan dan kesabaran merupakan antara aspek yang sangat penting dalam penghasilan setiap produk anyaman.

Seiring dengan arus pemodenan, sudah tentu hasil karya anyaman juga mengalami anjakan paradigma. Perubahan hasil anyaman ini bukan bertujuan untuk mengubah identiti anyaman itu sendiri, tetapi lebih bertujuan untuk menyesuaikan hasil anyaman dengan kehendak semasa. Puan Maznah juga tidak ketinggalan dalam membuat pembaharuan dalam hasil anyamannya. Hari ini, seni anyaman mengkuang lebih kepada sebagai bahan hiasan. Sebagai contoh, Puan Maznah menghasilkan kraftangan anyaman penanda buku serta gelang yang mengikut trend semasa. Penghasilan anyaman yang baharu ini amat menarik dalam menampilkan hasil seni budaya yang bermutu tinggi selain daripada menonjolkan hubungkait budaya Melayu dalam mengolah kekayaan

alam untuk kegunaan seharian. Beliau juga menegaskan bahawa corak yang sentiasa mendapat tempat dihati para pembeli adalah hasil anyaman yang bercorak berlian (diamond) tetapi penghasilannya adalah sangat susah. Seperti yang kita tahu, bukan mudah untuk meraih minat golongan muda terhadap seni tradisional seperti anyaman ini. Justeru, penghasilan hasil anyaman yang mengikut trend semasa mampu menarik perhatian para remaja terhadap seni anyaman. Ini dapat membantu untuk mengekalkan kesenian anyaman di Malaysia.

Satu lagi keunikan anyaman Puan Maznah adalah warnanya. Warna memainkan peranan yang amat penting dalam sesuatu produk anyaman terutama bagi tujuan komersial kerana ia menjadi antara kriteria teratas dalam pemilihan produk oleh seseorang pembeli. Beliau berkata bahawa, beliau dapat mengecam sama ada sesuatu produk anyaman itu adalah hasil daripada suku kaum Mah Meri atau bukan. Warna-warni yang digunakan oleh kaum beliau dalam penghasilan pelbagai jenis anyaman memudahkan beliau mengenalpasti produk mereka dengan hanya melihat pada produk tersebut melalui kekemasan dan juga warnanya.

Terdapat sejenis corak anyaman bakul yang diberi nama Anyaman Gila. Menurut laman web Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, kewujudan Rombong iaitu salah satu bakul yang dianyam menggunakan teknik Anyaman Gila adalah sebahagian hasil kemahiran kraftangan yang dipusakai sejak zaman berzaman. Anyaman ini dihasilkan melalui kemahiran tangan dan ilham daun mengkuang yang dianyam dengan teknik Anyaman Gila sehingga membentuk sebuah bakul serbaguna. Anyaman ini dipercayai akan menyebabkan seseorang penganyam boleh menjadi gila sekiranya tidak sempurna menuntut anyaman ini. Puan Maznah turut berkongsi bahawa beliau mengambil keputusan yang besar semasa mengambil keputusan untuk menuntut ilmu Anyaman Gila tersebut. Teknik menganyam yang sukar hinggan seni kraf itu dikenali sebagai 'anyaman gila' adalah antara punca ia tidak digemari untuk dipelajari.

Fungsi Produk Anyaman

Terdapat pelbagai fungsi anyaman yang bukan sahaja untuk kegunaan seharian seperti penanda buku, bakuldan tikar malahan, terdapat juga fungsi-fungsi khusus yang lain. Puan Maznah berkata, terdapat juga hasil anyaman yang digunakan dalam masyarakat Mah Meri untuk upacara-upacara tertentu seperti kematian, perkahwinan, membuang sial, perubatan dan sebagai hadiah kepada pengantin.

Masyarakat Mah Meri ternyata menjadikan anyaman sebahagian daripada kehidupan mereka. Buktinya, setiap perkara yang dilakukan oleh mereka, pasti mempunyai elemen seni anyaman walaupun sedikit. Puan Maznah turut berkongsi berkenaan perubatan dalam masyarakat beliau yang turut melibatkan anyaman. Katanya, anyaman digunakan untuk membuat tangga yang menghubungkan Tok Batin dengan makhluk halusbagi membantu dalam menyembuhkan penyakit. Dalam upacara perkahwinan pula, tikar anyaman diberi sebagai hadiah kepada pengantin dan Tok Batin yang mengahwinkan pasangan pengantin tersebut. Anyaman pelbagai jenis bunga pula digunakan sebagai hiasan dalam majlis perkahwinan. Anyaman juga adalah lambang identiti suku kaum Orang Asli Mah Meri melalui penggunaan pelbagai hasil anyaman dalam tarian dan persembahan semasa perayaan mereka. Menurut Puan Maznah, anyaman untuk persembahan ini diberi nama Denan Mayang yang dipakai di kepala sebagai sanggul. Topeng yang menyerupai makhluk juga dibuat menggunakan anyaman.



Gambar 2: Hasil anyaman digunakan dalam ritual 'Puja Pantai' (Astro, 2017)

Suku kaum Orang Asli Mah Meri bukan sahaja menjadikan hasil anyaman sebagai mata pencarian tetapi juga sebagai alat kegunaan dalam kehidupan seharian mereka. Sekiranya bahan anyaman tidak mencukupi, Puan Maznah berkata bahawa, beliau tetap menjual hasil anyaman itu. Bahan yang berlebihan pula akan dijadikan produk lain sebagai contoh, Bujam. Tok Batin akan membawa Bujam yang berfungsi untuk meletakkan barang-barang peribadi seperti rokok, duit dan sebagainya. Ini membuktikan akan pentingnya seni anyaman dalam kehidupan seharian masyarakat Orang Asli Mah Meri.

Anyaman dan Keusahawanan

Keusahawanan anyaman sudah tidak asing lagi di negara kita kerana keunikannya yang tersendiri. Bagi peminat hasil seni reka tradisonal, sudah pasti hasil anyaman yang kreatif menjadi salah satu daripada koleksi mereka. Anyaman sudah menjadi mata pencarian utama bagi suku kaum Orang Asli Mah Meri kerana mereka sememangnya terkenal dengan hasil anyaman yang cantik, halus serta berkilat.

Menurut akhbar Utusan Online (2009), masyarakat Orang Asli Mah Meri sudah memasarkan produk mereka melalui internet. Namun begitu, menurut Puan Maznah, beliau tidak lagi aktif dalam pasaran internet disebabkan kekangan

komunikasi atas talian yang menyukarkan beliau mengambil pesanan seperti mengambil kira saiz, bilah dan sebagainya. Namun begitu, keusahawanan anyaman masih lagi menjadi aktiviti utama bagi masyarakat Orang Asli Mah Meri. Badan bukan kerajaan iaitu Gerai OA, sentiasa membantu mempromosikan hasil anyaman masyarakat Orang Asli Mah Meri dengan membawa hasil anyaman mereka ke Hari Kraf Kebangsaan bagi memperkenalkan produk anyaman serta menjana hasil pendapatan bagi suku kaum Orang Asli Mah Meri dan suku kaum Orang Asli yang lain.

Sesungguhnya, seni anyaman kian mendapat tempat di hati penggemar seni kraf. Buktinya, apabila Puan Maznah sendiri menceritakan bahawa terdapat individu dari Amerika Syarikat datang memberikan sumbangan dan membeli hasil anyaman untuk di perkenalkan di negara mereka. Ini adalah perkembangan positif yang patut diteruskan bagi mengekalkan seni anyaman ini bagi tatapan dan warisan generasi akan datang. Nadi sesuatu produk, terletak pada pelanggannya. Dalam konteks ini, tanpa permintaan matilah penghasilan dan tanpa penghasilan matilah kesenian.

Kesimpulan

Tradisi seni anyaman ini adalah budaya yang amat penting bagi masyarakat Orang Asli khususnya suku kaum Mah Meri kerana ianya memberi kesan positif dalam aspek ekonomi, sosial dan kepercayaan mereka. Kelestariannyamesti diteruskan oleh generasi baru agar seni ini tidak luput ditelan zaman. Individu seperti Puan Maznah Anak Unyan mempunyai peranan penting sebagai contoh kepada generasi baru untuk mempelajari anyaman. Generasi baru perlu meneruskan legasi beliau agar seni anyamansuku kaum Orang Asli Mah Meri dapat dipopularkan ke serata dunia.

Bibliografi

Aizu Hakimi, Ameerul Ashraf & Roshusna Wahidah (2016). *Transkrip temubual bersama Puan Maznah Anak Unyan: Warisan seni anyaman Orang Asli Mah Meri*. Shah Alam: Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM.

- ASTRO. (2017). *Ritual 'Puja Pantai' Suku Mah Meri di Pulau Carey*. Diakses pada 23 Ogos 2017 di <http://www.astroawani.com/foto-malaysia/puja-pantai-kemeriahan-suku-mah-meri-di-pulau-carey-4234/tarian-joo-dilakukan-sambil-mengelilingi-objek-pemujaan-42810>
- Baer, A. S. (2006). *Orang Asli Women of Malaysia: Perceptions, Situations & Aspirations*. Kuala Lumpur: Center for Orang Asli Concerns.
- Eri Purnamasari (2015). *Macam, Jenis, Teknik dan Produk Anyaman*. Diakses pada di <http://eripurnamasari02.blogspot.my/2015/02/macam-jenis-teknik-danprodukanyaman.html>
- Jabatan Warisan Negara.(2016). *Anyaman*. Diakses pada 21 Ogos 2017 di <http://www.heritage.gov.my/ms/warisan-tidak-ketara/seni-halus/anyaman>
- Khairunnisa Sulaiman. (2009). *Produk Orang Asli di Pasaran Internet*. Diakses pada 21 Ogos 2017 di http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=1203&pub=Utusan_Malaysia&sec=Keluarga&pg=ke_01.htm
- KOSMO! Online (2016). *Ukiran Kayu Cerminan Kisah Nenek Moyang*. Diakses pada 21 Ogos 2017 di http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2017&dt=0821&pub=Kosmo&sec=Rencana_Utama&pg=ru_01.htm
- Noor, I. M. (2013). *Keunikan Hasil Kraftangan Mengkuang*. Diakses pada 21 Ogos 2017 di <http://www.myrokan.com/2013/12/keunikan-hasil-kraftangan-mengkuang.html>
- Rahim, Hafrizal, Clara, Nurliya, Izzul & Ega. (n.d). *Artikel Tentang Anyaman*. Diakses pada 21 Ogos 2017 di <http://tulisansebuahpensil.blogspot.my/2014/08/pengertian-anyaman-anyaman.html>
- SENI ANYAMAN: Pengenalan, Anyaman Mengkuang dan Pandan (2010). Diakses pada 21 Ogos 2017 di <http://pendidikan-senivisual.blogspot.my/2010/07/seni-anyaman-pengenalan-anyaman.html>
- Unit Pembangunan Usahawan Kraf (2011). *Majlis Perasmian Perkampungan Budaya Orang Asli Mah Meri*. Diakses pada 22 Ogos 2017 di <http://bahagianusahawan.blogspot.my/2011/07/majlis-perasmian-perkampungan-budaya.html>
- Utusan Online. (2015). *Ukiran Mah Meri ilham daripada mimpi*. Diakses pada 21 Ogos 2017 di <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/ukiran-mah-meri-ilham-daripadamimpi-1.77743>
- Warisan Kebangsaan Orang Hidup - Jabatan Warisan Negara. (2016). Diakses pada 21 Ogos 2017 di <http://www.heritage.gov.my/index.php/ms/warisan-tidak-ketara/warisan-kebangsaan-orang-hidup/warisan-kebangsaan-orang-hidup-pengenalan>